



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA HARI ULANG TAHUN  
KE 4 PERTUBUHAN GABUNGAN PENGANUT DAN  
PENGURUSAN RUMAH BERHALA CINA MALAYSIA**

**8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**

**7:30 MALAM**

**MAEDO RESTORAN SDN BHD  
TAMAN UNGKU TUN AMINAH SKUDAI JOHOR BAHRU**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

## **SALUTASI**

*\*akan diberikan secara berasingan.*

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini, kita dapat berkumpul bagi meraikan **Sambutan Ulang Tahun ke-4 Pertubuhan Gabungan Penganut dan Pengurusan Rumah Berhala Cina Malaysia.**
2. Saya telah dimaklumkan bahawa Pertubuhan ini telah memainkan peranan yang penting dalam **mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara penganut dan rumah-rumah ibadat di negara kita.** Tahniah diucapkan atas usaha murni ini.
3. Pertubuhan gabungan penganut dan pengurusan rumah berhala cina malaysia ini juga bertindak sebagai perantara dan perunding di antara persatuan dengan kerajaan berhubung perkara-perkara berkaitan rumah berhala dan **persatuan penganut bagi agama buddha, tao, confusion dan rujiao.**

4. Kementerian Perpaduan Negara juga sentiasa telah memberikan tumpuan dalam meningkatkan **semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, kasih sayang, kesukarelawan dan muhibah** dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI)**. Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Dua fungsi utama jawatankuasa ini adalah:
  - I. mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian serta berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama;
  - II. melaksanakan secara bersama aktiviti kesedaran dan keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat.

6. Untuk makluman, JK HARMONI bersidang dua (2) kali setahun dan dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan keahlian seramai tiga (3) orang yang terdiri daripada wakil agensi dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), penganut agama Islam seramai sepuluh (10) orang dan lima belas (15) orang mewakili penganut selain Islam.
7. Pada April 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Inisiatif Harmoni MADANI** dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima**.
  - ❖ **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 9 lokasi iaitu W.Persekutuan Labuan, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah.

❖ **Dialog Harmoni** – dilaksanakan di Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Sabah yang juga melibatkan kerjasama Jawatankuasa HARMONI dan Pertubuhan Agama.

❖ **Podcast:Bicara HARMONI** – yang mengetengahkan konsep perkongsian nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

❖ **Dokumentari HARMONI** - 6 siri dokumentari.

8. Kerajaan juga terus memperuntukkan sebanyak **RM50 juta bagi menyelenggara dan membaik pulih Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)** seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk membantu dalam kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah program RIBI. Peruntukkan ini disediakan dibawah **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**.
9. Semua permohonan bagi kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat akan dinilai oleh Pasukan

Pemantauan dan Penilaian serta pertimbangan oleh Jawatankuasa Taskforce yang telah dibentuk oleh KPKT. Permohonan tersebut perlu mematuhi **Garis Panduan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI** yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

10. Sehubungan itu, Persatuan atau Pertubuhan Penganut Agama juga mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan agenda keharmonian nasional. Usaha yang boleh dilakukan oleh persatuan penganut dalam memastikan keharmonian termasuk:
  - I. **Dialog Antara Agama** - dianjurkan untuk membolehkan wakil daripada pelbagai agama berkongsi pandangan, membincangkan persamaan serta menangani perbezaan dengan cara yang harmoni dan saling menghormati.
  - II. **Kempen Media Sosial** - menjalankan kempen kesedaran di media sosial yang mempromosikan mesej keamanan, kasih sayang, dan toleransi. Ini boleh membantu mencapai golongan muda yang lebih aktif di media digital.

### **III. Program Pendidikan dan Kesedaran -**

menganjurkan ceramah, bengkel, atau seminar yang memfokuskan kepada nilai-nilai murni, kesedaran agama, dan kepentingan hidup dalam harmoni. Program ini mendidik masyarakat tentang pentingnya saling menghormati kepelbagaian.

11. Pendekatan-pendekatan ini menawarkan cara yang lebih kreatif dan praktikal untuk menyatukan masyarakat dalam suasana yang semakin kompleks, memastikan usaha keharmonian kekal relevan dan berkesan.
12. Akhir kata, keharmonian bukanlah sekadar impian, tetapi komitmen bersama untuk memastikan kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.
13. Dengan ini, saya merasmikan **MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE 4 PERTUBUHAN GABUNGAN PENGANUT DAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA CINA MALAYSIA.**

Sekian, Terima Kasih.